 <p>Suruhanjaya Tenaga</p>	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 3/2011</p> <p>MENGENAI PENETAPAN KAEDAH PEMASANGAN SISTEM PERLINDUNGAN KILAT DI BANGUNAN-BANGUNAN</p>	<p>No. Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk 03/2011</p>
---	---	--

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua pihak yang terlibat mengenai penguatkuasaan pemakaian Standard Malaysia **MS IEC 62305 –Protection Against Lightning** bagi rekabentuk, pemasangan dan penyenggaraan sistem perlindungan kilat di bangunan-bangunan.

LATAR BELAKANG

2. Lanjutan daripada insiden panahan petir di beberapa bangunan sejak kebelakangan ini, terdapat kekeliruan di kalangan penggiat industri mengenai penggunaan sistem perlindungan kilat yang berkesan. Lazimnya, kaedah yang digunakan bagi pemasangan sistem perlindungan kilat adalah mengikut pilihan juruperunding yang terbabit dalam pelaksanaan sesuatu projek yang kadangkala tidak mengikut standard yang sewajarnya.


3. Dalam hubungan ini, Jabatan Standard Malaysia telah membangunkan satu standard mengenai sistem perlindungan kilat, iaitu **MS IEC 62305 – Protection Against Lightning** yang meliputi bahagian-bahagian seperti berikut sebagai standard bagi pemasangan dan penggunaan sistem perlindungan kilat:

MS IEC 62305-1 :2007 - General principles

MS IEC 62305-2 :2007 - Risk management

MS IEC 62305-3 :2007 - Physical damage to structures and life hazard

MS IEC 62305-4 :2007 - Electrical and electronic systems within structures.

	<p style="text-align: center;">PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 3/2011</p> <p style="text-align: center;">MENGENAI PENETAPAN KAEDAH PEMASANGAN SISTEM PERLINDUNGAN KILAT DI BANGUNAN-BANGUNAN</p>	<p>No. Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk 03/2011</p>
---	---	--

ARAHAN PELAKSANAAN


4. Seksyen 47, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) mengenai langkah awasan terhadap elektrik atmosfera memperuntukkan:

“Mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana pengguna lain yang mengambil atau menggunakan elektrik daripada mana-mana pemasangan hendaklah, jika Suruhanjaya menghendaki sedemikian, memperuntukkan apa-apa kaedah bagi menghindarkan apa-apa risiko kerosakan kepada pemasangan itu melalui elektrik atmosfera sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya atau sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan di bawah Akta ini.”

5. Selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 47, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), Suruhanjaya Tenaga dengan ini menetapkan bahawa rekabentuk, pemasangan dan senggaraan alat perlindungan kilat di bangunan-bangunan hendaklah dibuat mengikut kaedah sistem perlindungan kilat yang ditetapkan oleh Standard Malaysia **MS IEC 62305 –Protection Against Lightning**.

PEMAKAIAN

6. Pekeliling ini adalah terpakai ke atas semua pemasangan sistem perlindungan kilat di bangunan-bangunan mulai tarikh pekeling ini berkuatkuasa.

 <p>Suruhanjaya Tenaga</p>	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 3/2011</p> <p>MENGENAI PENETAPAN KAEDAH PEMASANGAN SISTEM PERLINDUNGAN KILAT DI BANGUNAN-BANGUNAN</p>	<p>No. Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk 03/2011</p>
---	---	--

TARIKH BERKUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 September 2011.

Sekian, terima kasih.



(Ir. AHMAD FAUZI BIN HASAN)

Ketua Pegawai Eksekutif
b.p. Suruhanjaya Tenaga

Tarikh: **2** Ogos 2011.

s.k. Semua Ketua Jabatan
Semua Ketua Kawasan